

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH  
[ LANGKAWI ]**

**TARIKH : 27 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH [ LANGKAWI ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rancangan untuk menyelesaikan masalah pengangkutan di Pulau Langkawi khususnya perkhidmatan feri dan juga perkembangan terkini cadangan pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP) secara terperinci.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Perkhidmatan feri di Pulau Langkawi bertumpu di Terminal Feri Penumpang Kuah, Langkawi. Pada tahun 2019 sebelum COVID-19, jumlah bilangan penumpang yang menggunakan Terminal Feri Kuah adalah seramai **2,043,926 orang**. Pada masa ini, terminal tersebut tiada merekodkan sebarang masalah yang ketara kerana masih berfungsi di dalam kapasitinya. Terminal ini juga bebas daripada fenomena sedimentasi kerana ia terletak di pulau, menyebabkan tempat merapat feri atau *berth* boleh dirapati setiap masa tanpa dipengaruhi oleh air pasang surut.
2. Bagi laluan **Kuala Kedah-Langkawi** jumlah kekerapan perkhidmatan feri adalah mencukupi iaitu lima (5) *trip* pergi dan balik. Pada masa ini pengusaha feri telah mempunyai jumlah feri yang mencukupi iaitu sebanyak 12 buah feri yang boleh digunakan setiap hari mengikut permintaan.
3. Sebagai persediaan menghadapi **LIMA 2023**, pengusaha feri telah bersedia dengan jumlah feri bergantung kepada permintaan, apabila tiba masanya.
4. Walau bagaimanapun, Terminal Feri Penumpang Kuala Kedah dan Terminal Feri Penumpang Kuala Perlis mengalami masalah kadar sedimentasi yang tinggi, seterusnya menyebabkan alur pelayaran dan basin selalu cetek. Pengerukan secara berkala diperlukan bagi menjamin keselamatan pelayaran dan kebolehsampaian feri penumpang, *Roll-On Roll-Off* (RORO), bot tunda, baj dan bot nelayan yang menggunakannya.
5. Bagi laluan **Kuala Perlis-Langkawi** pada masa ini jumlah trip ditentukan oleh aras pasang surut kerana kerja-kerja pengerukan masih belum selesai sepenuhnya. Keseluruhan kerja-kerja pengerukan meliputi **7 blok** dan pada masa ini **enam (6) blok telahpun selesai** pengerukan dan keseluruhan kerja-kerja pengerukan dijangka siap sepenuhnya pada 15 Mei 2023 iaitu sebelum **LIMA 2023** bermula.

#### **NO. SOALAN : 4**

6. Dari tahun 2003 hingga 2022, sebanyak RM78 juta telah diperuntukkan bagi kerja-kerja pengerukan di muara Kuala Kedah, manakala RM101.1 juta telah diperuntukkan bagi kerja-kerja pengerukan di muara Kuala Perlis.
7. Pengusaha feri di Langkawi menghadapi cabaran dalam peningkatan kos operasi feri berikutan kos-kos seperti insurans, penyelenggaraan, alat ganti dan gaji yang meningkat saban tahun. Pendapatan yang hanya dapat menampung kos operasi akan menyukarkan pengusaha feri untuk memberi tumpuan kepada penambahbaikan terhadap tahap perkhidmatan yang diberi dengan kadar tambang yang sedia ada.
8. Dalam mengawal selia perkhidmatan feri di Langkawi, Kerajaan sentiasa mengutamakan keselamatan pelayaran dan keselesaan penumpang.
9. Berhubung dengan perkembangan terkini Projek Pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP) pula, sehingga kini, tiada kelulusan diberikan untuk menubuhkan aerodrom bagi Projek KXP seperti mana yang diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam (Pengendalian Aerodrom) 2016.
10. Cadangan pembinaan KXP adalah inisiatif anak syarikat Kerajaan Negeri Kedah dengan syarikat swasta yang lain. Oleh itu, projek ini tidak melibatkan Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB) secara langsung dan setakat ini tidak disenaraikan sebagai projek pembangunan di bawah Kementerian Pengangkutan.
11. Dalam ucapan Belanjawan 2023 baru-baru ini, Kerajaan telah memutuskan antara lain, untuk memberi keutamaan kepada pembesaran dan penaiktafaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) yang akan diterajui oleh MAHB. Pembangunan ini dijangka memanfaatkan pertumbuhan ekonomi pada kos yang lebih rendah berbanding cadangan membina lapangan terbang baharu di Kulim.

Sekian, terima kasih.